

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

SBW301 - Perancangan dan Pengurusan Projek

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mempunyai Dua Bahagian. Bahagian A adalah Soalan Wajib dan mesti dijawab. Pilih DUA (2) soalan untuk dijawab dari Bahagian B.
(Semua soalan memberi jumlah markah yang sama).

Bahagian A

Soalan Wajib. (100 Markah)

1. Secara hipotetik, pilih satu projek yang berkemungkinan dilaksanakan (feasible to be implemented) dan anda dikehendaki:
 - i) Menerangkan proses-proses dan perkara-perkara yang diperlukan untuk merancang dan melaksana projek tersebut.
 - ii) Menyediakan Rajah Perangkaan dan mengira Jalan Kritikalnya.

Bahagian B

Pilih **DUA (2)** soalan. Tiap-tiap soalan memberikan 100 Markah

2. Dengan menggunakan contoh-contoh yang bersesuaian, terangkan 5 tahap Pengurusan Projek di bawah:
 - i) Memulakan Projek/Definisi Masalah
 - ii) Perancangan
 - iii) Pelaksanaan
 - iv) Pengawalan, dan
 - v) Penutupan projek.

3. Bincangkan 7 faktor utama Sistem Pengurusan Projek di bawah:
 - i) Kemanusiaan
 - ii) Kaedah
 - iii) Budaya
 - iv) Organisasi
 - v) Perancangan
 - vi) Maklumat
 - vii) Pengawalan

4. Apakah kepentingan perancangan dan pengurusan projek dalam dasar dan program pembangunan negara?

5. Apakah faktor-faktor yang boleh menjayakan atau menggagalkan sesuatu projek pembangunan?